

Puteri tidak boleh rebut jawatan Wanita

UM 10 MAR 2002
KUALA LUMPUR 9 Mac — Ahli Puteri UMNO tidak dibenarkan bertanding merebut sebarang jawatan dalam Pergerakan Wanita UMNO.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, anggota entiti itu juga tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan dalam sayap UMNO lain.

“Puteri tidak boleh jadi ahli Wanita dan dalam masa sama jadi ahli Puteri.

“Justeru, mereka (Puteri) tidak boleh bertanding dalam jawatan-jawatan di mana mereka bukan ahlinya,” katanya.

Beliau yang juga Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ahli Puteri boleh bertanding merebut jawatan di peringkat cawangan jika telah berdaftar sebagai ahli biasa di peringkat cawangan.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, ahli Puteri tidak boleh menjadi anggota kedua-dua sayap itu sekali gus.

Katanya, wanita berumur antara 18 dan 35 tahun yang menjadi ahli UMNO boleh memilih sama ada menyertai entiti itu atau Pergerakan Wanita.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, bagaimanapun, anggota Puteri UMNO dibenarkan bertanding merebut jawatan di peringkat UMNO bahagian, negeri atau pusat.

“Mereka berhak bertanding jawatan dalam UMNO sama ada untuk menjadi ketua bahagian, cawangan dan MT,” katanya.

MT, kata beliau, telah menentukan bahawa Puteri, Wanita dan Pemuda merupakan entiti yang berasingan.

“Sesiapa yang menjadi ahli dalam Wanita atau Puteri tidak boleh jadi ahli dalam Pemuda. Demikian juga Pemuda tidak boleh jadi ahli dalam Wanita dan Puteri,” tambahnya.

Sementara itu, MT melantik Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob sebagai Pengarah Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Ketari bagi Barisan Nasional (BN).